



# BULETIN IKMAS JAKIM



***"IKMAS INSPIRASIKU"***

MAJLIS MENGHAFAZ  
AL-QURAN NEGERI  
SARAWAK



DAURAH KITAB BERSAMA  
MUFTI WILAYAH  
PERSEKUTUAN



PROMOSI "JOM MASUK  
IKMAS" SELURUH  
SARAWAK



# Kalam Ketua Editor

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Alhamdulillah, segala pujian dirafta'kan ke hadrat Ilahi dengan izin dan Inayah-Nya, maka dapatlah kita menerbitkan Buletin IKMAS Bil. 1/2019 yang julung kalinya diterbitkan bagi mengabadikan aktiviti serta program yang telah dianjurkan oleh Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) bermula Januari sehingga Mac 2019.

Jutaan penghargaan turut dirakamkan kepada Yang Berusaha Dr Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS di atas kepercayaan dan peluang yang diberikan kepada Jabatan Penerbitan IKMAS untuk mengorak langkah selaku perintis bagi penerbitan Buletin IKMAS.

Pembinaan modal insan melalui sistem pendidikan amatlah dititikberatkan. Hal ini bertepatan dengan kemuliaan ilmu pengetahuan yang mengangkat martabat manusia sebagaimana yang ditegaskan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab yang bertajuk Bimbingan Mukmin. Seiring dengan kepentingan ilmu inilah yang menjadi tonggak utama yang mendorong IKMAS untuk terus bergerak ke hadapan dan terus berinspirasi untuk meningkatkan kemajuan.

Tambahan pula institusi ini berfungsi untuk menyebarkan Islam dengan melahirkan para pendakwah yang mempelajari ilmu dalam bidang dakwah, maka amatlah sesuai sekali dirakamkan dan dikumpulkan semua aktiviti dakwah di dalam Buletin IKMAS. Selain itu, pentingnya penerbitan Buletin IKMAS ini turut menekankan penglibatan IKMAS di dalam aktiviti dalaman dan juga secara komuniti luar dalam menjalinkan hubungan sebagai langkah dalam memastikan IKMAS sebagai pusat pengajian akademik khasnya kepada masyarakat sekeliling dan amnya untuk seantero dunia.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada ahli sidang redaksi serta warga IKMAS yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Semoga semua kenangan dan memori indah bersama sepanjang tahun 2019 dapat dipotretkan untuk tatapan di masa akan datang. Saya juga sangat mengalu-alukan cadangan, penambahbaikan dan pandangan yang kritis bagi keluaran yang mendarat.

Sekian, wassalam.



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Dr Muhammad Yamin bin Ismail

### KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

### SIDANG EDITOR

Ainuddin bin Haji Dolhakim

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Dr Roziah binti Haji Chek

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhammad Fadhlil bin Ahmat

Mohd Izwan bin Sharif

### PENYELARAS

Shuhail bin Supandi

Nurul Sabariah binti Saini

### JURUFOTO

Bustamin bin Sharee

Irwandy bin Sarkawi

### PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Jabatan Akademik

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Jabatan Jaminan Kualiti

Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie

Jabatan Pembangunan Insan

### SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN

PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGK :

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching,

SARAWAK

(u/p: Jabatan Penerbitan)

Tel: 082-843 477, 475

Faks: 082-843 440, 439

## ISI KANDUNGAN

KALAM KETUA EDITOR .....	02
SIDANG REDAKSI .....	02
ISI KANDUNGAN .....	02
PENGENALAN IKMAS .....	03
BARISAN PENGURUSAN IKMAS .....	04
SEKILAS BERSAMA PENGARAH IKMAS .....	04
MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN .....	05
MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN SARAWAK .....	05
DAURAH KITAB BERSAMA MUFTI WILAYAH .....	06
AMALI DAKWAH .....	07
PERTANDINGAN NASYID IKMAS .....	08
MAJLIS APRESIASI PELAJAR .....	08
BENGKEL KERJAYA .....	09
JOM MASUK IKMAS .....	10
RESILIENSI DAIE PENGAJIAN ISLAM .....	11
ILMU DAN KEPENTINGANNYA .....	12
LENSA IKMAS .....	13
SEKALUNG TAHNIAH .....	15



[www.facebook.com/ikmassarawak](https://www.facebook.com/ikmassarawak)



penerbitanikmas@gmail.com

# PENGENALAN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

Sejarah awal IKMAS bermula dari hasil persetujuan Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Singapura (MABIMS) kali ke-5 bertarikh 3 hingga 4 Ogos 1994 bertempat di Langkawi, Kedah. Setelah mendapat persetujuan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 21 September 1994 IKMAS telah direalisasikan di Kampung Telaga Air, Kuching, Sarawak kira-kira 26 km dari bandaraya Kuching. Nama Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) merupakan nama baru setelah ditukar daripada nama asal Madrasah Pesantren Asean pada tahun 1999.

Selama 18 tahun IKMAS berfungsi sebagai pusat pengajian akademik. IKMAS telah menawarkan dua (2) program diploma iaitu Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah (DPI) serta Program Diploma Tahfiz dan Dakwah (DTD). Kini, setelah mendapat pengiktirafan penuh daripada Malaysian Qualification Agency (MQA) program diploma tersebut ditukar

nama kepada Program Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) dengan kerjasama Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program yang ditawarkan adalah mengikut sistem semester yang mengandungi pengajaran dan pembelajaran, tutorial, pembentangan tugas, Latihan Industri dan Amali Dakwah serta kokurikulum. Tempoh pengajian adalah enam semester dan setiap pelajar perlu melengkapkan 96 kredit untuk bergraduasi.

Kini, IKMAS telah melahirkan seramai 915 orang graduan bagi Program DPI, 44 orang graduan bagi Program DTD dan 130 orang bagi Program Persijilan Asas Pengajian (PERAPI).

## VISI

Membentuk insan beriman yang memahami, merealisasi dan dapat menyebarluas semua aspek ajaran Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW.

## MISI

Menyediakan kemudahan pembelajaran bersepada yang merangkumi ilmu fardhu ain, fardhu kifayah dan ilmu kemahiran untuk melahirkan graduan yang berketrampilan dan berwibawa.

## OBJEKTIF

1. Graduan yang berilmu, berakhhlak mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa.
2. Graduan yang mempunyai kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan kehendak semasa.
3. Graduan yang berkebolehan menjadi pembimbing dan tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.



# BARISAN PENGURUSAN IKMAS JAKIM



## PENGARAH

**Dr Muhammad Yamin bin Ismail**

KETUA JABATAN PEMBANGUNAN INSAN (JPI)

**Ainuddin bin Haji Dolhakim**

KETUA JABATAN PENERBITAN (JP)

**Karia bin Haji Rahmat**

KETUA JABATAN AKADEMIK (JA)

**Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin**

KETUA JABATAN JAMINAN KUALITI (JJK)

**Dr Roziah binti Haji Chek**

KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI (JHEPA)

**Muhamad Fadhl bin Ahmat**

KETUA JABATAN KEMAHIRAN DAN LATIHAN DAE (JKLD)

**Mohd Chathazman bin Abdullah**

## Sekilas Bersama Pengarah Baharu IKMAS

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selama 27 tahun bermula tahun 1992. Dalam tempoh itu beliau telah berkhidmat di Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penerbitan, Darul Quran, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bahagian Pembangunan Insan dan Bahagian Dakwah.

Beliau juga pernah dipinjamkan ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai Pengurus Bahagian Baitulmal dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya dan pernah menganggotai Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Pertanian Malaysia.



## Sudut Puisi

**IKMAS TERUS MELANGKAH KE HADAPAN**  
Oleh : Karia Bin Haji Rahmat

Bicara ini membesar dari sanubari,  
Seorang peneraju batang tubuhmu,  
Menyantuni suka duka hidupmu,  
Menggarap jatuh bangun tegap sosokmu,  
Membina daie dan huffaz bermutu,  
Mendayung sampan pengharapan ummah,  
Untuk berlabuh di perhentian khaira ummah.

**IKMAS,**  
Hadirmu satu anugerah Ilahi,  
Walau terbatas kudrat diri,  
Namun tetap perkasa,  
Membela segala kepentingan,  
Memacu daya juang insan,  
Membina pendakwah dan insan pilihan,  
Menyumbang daya saing dunia sejagaanya.

**IKMAS,**  
Membesarlah sebagai pejuang,  
Biar perkasa pengharapanmu,  
Biar jelas sudut pandangmu,  
Biar besar impianmu,  
Biar tegap iltizammu.

**IKMAS,**  
Genggam bara itu,  
Alunkan irama dan lagu merdu sebuah kepastian,  
Tarikan tarian kecemerlangan hari ini,  
Moga bersemayumlah sebuah keterbilanganmu esok hari,  
Untuk menggapai sebuah pusat kecemerlangan ilmu,  
Tersohor, maju dan menyumbang,  
Demi sebuah keagungan tamadun bangsa.

**IKMAS,**  
Kini usiamu mencecah dewasa, maka lihatlah,  
Isu-isu besar sebuah kehidupan:  
“knowledge culture” sebagai “superpower” sebuah bangsa  
merdeka,  
“life long learning” mendasari sebuah kemajuan,  
“Revealed knowledge” yang perlu diperkasakan,  
Globalisasi ditatang dengan adab dan etika,  
Digital multimedia dicari, digali  
Transformasi ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah perlu  
diseiringi,  
Dalil naqli dan dalil aqli harus menyatu,  
Dan pada noktahnya nanti,  
Akan suburlah ummatan wasata termulia,  
Akan bangkitlah ummatan wahidah terpilih,  
Akan terciptalah khaira ummah terpimpin.

**IKMAS,**  
Moga-moga IKMAS adalah faktor transformasi ummah,  
Membina tamadun MALAYSIA yang amat maju jaya.



## MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN

25 Januari 2019 - Majlis Khatam Hafazan al-Quran Tahun 2019 telah diadakan di Dewan Kenyalang, IKMAS bagi meraikan lapan (8) orang pelajar semester enam (6) Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (DTQ) yang telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran selama tiga tahun sesi pengajian di IKMAS.

Majlis dimulakan dengan bacaan yang diketuai oleh Ustaz Kamal Khairi bin Che Awang, Pensyarah Tahfiz dan disertai lapan (8) orang pelajar iaitu Muhammad Adham bin Abdul Malek, Muhammad Faiz bin Saidikhadri, Zulfikri bin Saidina Ali, Muhammad Yunus bin Jaafar, Wan Azween bin Wan Awat, Ahmad Aiman Syahmi bin Norhaza Ahmad Redzuan, Nur Nazura binti Che Samsuri dan Nurul Jannahtul Zaatarriyah binti Mohd Zamri yang diraikan pada hari tersebut. Acara diteruskan dengan ucapan wakil pelajar, saudara Wan Azween bin Wan Awat yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Seterusnya ucapan aluan oleh Yang Berusaha Dr Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha. Beliau berharap lebih ramai anak-anak Sarawak menjadi penghafaz Quran. Beliau juga turut berharap agar IKMAS terus berkembang maju untuk melahirkan lebih ramai Daie pada masa hadapan. Gimik perasmian adalah acara pemotongan pulut kuning sebagai simbolik majlis.

Di akhir majlis, diadakan sesi fotografi antara pelajar tahfiz dan ibu bapa pelajar bersama tetamu-tetamu jemputan.



## PELAJAR IKMAS CEMERLANG DI MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK

28 Februari 2019 - IKMAS mengucapkan tahniah kepada tiga orang pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang telah berjaya dalam pertandingan hafazan bertempat di Dewan Kompleks Islam, Kuching Sarawak. Mereka ialah Asma' Amani binti Abdul Halim yang mendapat tempat ketiga bagi kategori Juz 1-10, Farra Hanim binti Hadian yang mendapat tempat kedua bagi kategori Juz 1-20 dan Nur Izzah Yong Mohd Shahril, tempat ketiga bagi kategori Juz 1-20.

Semoga kejayaan mereka dapat dijadikan inspirasi buat para pelajar IKMAS yang lain.





# DAURAH KITAB BERSAMA MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

**12 Februari 2019** - IKMAS telah mengadakan Program Daurah Kitab bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS.

Kupasan Kitab Kifayatul Akhyar berkaitan bab solat telah disampaikan oleh YBhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan dan YBhg. Ustaz Muhammad Fahmi bin Rusli, Pegawai Hal Ehwal Islam daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Jemputan peserta terdiri daripada para imam, pegawai masjid, guru Takmir, guru KAFA, Penggerak Masyarakat Saudara Kita (PMSK), Pegawai Penyelaras Masjid Daerah (PPMD), penjawat awam pelbagai agensi persekutuan dan negeri serta masyarakat awam.



Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk minat masyarakat supaya merujuk sumber kitab serta mengamalkan budaya berguru dalam memperolehi ilmu. Selain itu, program ini dapat menyemai budaya cintakan ilmu dan meningkatkan penghayatan Islam di kalangan masyarakat. Program ini juga untuk membantu pihak berkuasa agama Islam dalam memantapkan ilmu dan kefahaman agama di kalangan pegawai masjid, guru-guru agama dan para pendakwah.

Program ini akan dilaksanakan sebanyak enam siri sepanjang tahun 2019. Majlis Pelancaran program tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datu Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak.



# PROGRAM AMALI DAKWAH

**21 Januari 2019** - Program Menyemai Bakti (Amali Dakwah) Kali ke-17 Tahun 2019 IKMAS telah diadakan di Bahagian Samarahan Sarawak. Penglibatan tujuh buah kampung iaitu Kampung Baru, Kampung Tambirat, Kampung Sambir, Kampung Sadong Jaya, Kampung Baru Sebuyau, Kampung Tungkah Melayu dan Kampung Semalatong merupakan suatu jaringan dakwah yang menjadi medan dalam penyebaran ilmu dakwah yang telah dipelajari oleh pelajar semester akhir Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) untuk diaplikasi ke dalam hidup bermasyarakat.

Majlis perasmian diadakan di Dewan Masyarakat Sadong Jaya dengan kehadiran tetamu-tetamu jemputan. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu Ibu Pertiwi, seterusnya ucapan perasmian oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Brahim bin Lumpu, Residen Bahagian Samarahan.

Seusai majlis, seramai 52 orang pelajar DDI yang berkampung selama empat (4) minggu bermula 21 Januari hingga 17 Februari 2019 mula menuju ke rumah keluarga angkat masing-masing. Seramai 43 buah keluarga angkat bersetuju menerima pelajar IKMAS dalam program ini.



Perancangan aktiviti yang telah dibuat oleh para pelajar dilaksanakan mengikut kumpulan yang telah dibahagikan. Antara aktiviti yang dilaksanakan di kampung-kampung tersebut adalah kelas pengajian, Tahsin al-Quran, cara penyembelihan, cara menguruskan jenazah, sukaneka, khidmat masyarakat dan banyak lagi.

Semoga masyarakat di kampung-kampung tersebut memperolehi manfaat daripada Dakwah Bil Hal yang telah dijalankan dan semoga para pelajar yang mengikuti program ini memperoleh nilai tambah serta pengalaman di lapangan sebenar demi menyuburkan benih-benih dakwah untuk kemajuan ummah di Sarawak.



# Pertandingan Nasyid IKMAS



**26 Januari 2019** - Bagi melahirkan pendakwah yang serba boleh, pelbagai mesej dan metodologi dakwah perlu dikuasai agar sesuai dengan sasaran dakwah. Antara seni dalam berdakwah ialah melalui hiburan seperti nasyid.

Sehubungan itu, IKMAS telah menganjurkan Festival Nasyid 2019 antara Khitobah bertempat di Dewan Kenyalang dan Auditorium, IKMAS. Kumpulan pelajar yang terdiri daripada kumpulan Khitobah Abu Bakar, Khitobah Umar, Khitobah Uthman dan Khitobah Ali telah menghantar sebanyak empat (4) kumpulan siswa dan empat (4) kumpulan siswi untuk menyertai pertandingan tersebut.

Johan bagi Pertandingan Nasyid Siswa dimenangi oleh Khitobah Umar manakala Johan bagi Pertandingan Nasyid Siswi dimenangi oleh Khitobah Uthman. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ustaz Muhamad Fadhli bin Ahmat selaku Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah barisan para pensyarah dan pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

## MALAM APRESIASI PELAJAR

**21 Februari 2019** - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IKMAS dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Apresiasi Pelajar Tahun Akhir 2019. Tujuan majlis diadakan adalah untuk meraikan pelajar semester enam Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat yang telah menamatkan pengajian mereka selama tiga (3) tahun.

Antara pengisian majlis adalah ucapan pelajar wakil semester enam, Mohd Nor Khalifah Bin Abu Kassim, penyampaian anugerah akademik, kepimpinan, sahsiah dan kokurikulum, dan cabutan bertuah.

Warga IKMAS mengucapkan selamat maju jaya kepada pelajar semester akhir IKMAS. Semoga segala ilmu yang telah dipelajari dan pengalaman yang ditimba dapat dijadikan bekalan hidup dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Terima kasih kerana telah menjadi sebahagian daripada sejarah IKMAS.





## BENGKEL KERJAYA 'SHINE TOGETHER'

**22 Februari 2019** - Bertempat di Auditorium IKMAS, seramai 60 orang pelajar Semester 6 telah menghadiri Bengkel Kerjaya anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar IKMAS.

Antara objektif bengkel ialah memberi pendedahan awal kepada peserta terhadap peluang pekerjaan yang akan diceburi selepas tamat pengajian, mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan pemilihan kerjaya, maklumat terkini kemahiran yang diperlukan oleh majikan dan memberikan panduan untuk menyesuaikan diri setelah memasuki alam pekerjaan serta perancangan masa panjang.

Pengisian program yang telah diadakan ialah Hala Tuju Program Sijil Kemahiran GIATMARA, Nilai dan Cabaran, Tips Penyediaan Resume, Tips Temuduga dan Belajar vs Kerjaya, Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan Percuma Hospital Umum Sarawak.



# JOM MASUK IKMAS

**8 Mac 2019** - Wawancara Promosi “Jom Masuk IKMAS” di Sarawak FM. Terima kasih atas kesudian menjemput IKMAS bagi mempromosikan pengambilan pelajar baharu IKMAS Sesi 2019/2022 dan menghebahkan program-program semasa yang dianjurkan oleh IKMAS.



**14 Mac 2019** - Team promosi Jom Masuk IKMAS telah mempromosikan IKMAS di tujuh (7) buah sekolah terpilih di sekitar Kuching sempena pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018. Sekalung penghargaan dan tahniah buat semua “Duta-Duta IKMAS” yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh komited.



**15 - 17 Mac 2019** - Pameran Jom Masuk IKMAS telah diadakan bersempena Sarawak Career and Training (SCaT) Fair bertempat di Borneo Convention Center, Kuching. SCaTFair merupakan event yang terbesar di Sarawak dan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak bersama Kementerian Pendidikan Malaysia.



# ***RESILIENSI DAN PENGAJIAN ISLAM***

**Oleh:** Ainul Nadzifah Mohd Ali  
(Pensyarah Dakwah)

Pengajian Islam adalah ilmu teras bagi melahirkan modal insan seimbang dalam proses pembentukan tamadun negara. Meskipun dianggap suatu bidang agama, hakikatnya pengajian Islam adalah landasan penting bagi memastikan kelangsungan identiti dan generasi Bumiputera Islam dalam konteks sejarah dan tamadun moden Malaysia.

Perkembangan pendidikan yang pesat di negara ini telah membuka banyak peluang kepada pelajar lepasan sekolah menengah untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Proses membuat pemilihan tempat dan kursus juga menjadi semakin sukar kerana institusi pengajian tinggi menawarkan pelbagai pilihan program berkualiti dan berdaya saing. Tarikan utama pemilihan pelajar lepasan sekolah menengah untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi banyak bergantung kepada faktor-faktor penarik yang ditawarkan oleh sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Mutakhir ini, terdapat pertumbuhan pesat dalam penawaran kursus-kursus baru di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Tren ini menyaksikan persaingan dalam usaha menambahkan peratusan kemasukan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi. Pendidikan di peringkat tertiar merupakan pemangkin utama penjanaan modal insan yang berkualiti demi kesejahteraan sejagat.

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) mengambil inisiatif menawarkan program pengajian peringkat diploma yang berteraskan pengajian Islam iaitu Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat (DTQ). Istimewanya IKMAS bukan sahaja membuka peluang kepada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Islam di peringkat diploma, bahkan juga turut membuka peluang kepada para pelajar daripada latar belakang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) aliran biasa untuk mendalami bidang tersebut.

Seperti IPT yang lain, IKMAS mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran khas dalam menghadapi cabaran. Cabaran-cabaran getir masa kini menuntut pendidikan melatih tenaga manusia yang lebih berketrampilan, berinovasi, berdaya tahan, berdaya juang dan boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi. Kesediaan pelajar penting bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan bidang pelajaran yang dipilih seterusnya dapat menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang. Para pelajar yang tidak bersedia biasanya akan mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dan ia boleh merencatkan produktiviti serta prestasi pelajar itu sendiri. Oleh itu, mereka mesti berusaha membina, melatih dan memperkemaskan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan agar mampu menghadapi pelbagai cabaran.

Stoltz dan Weihenmayer (2010) mendapati cabaran-cabaran ini boleh terjadi dalam bentuk intrinsik dan peribadi seperti kurangnya keyakinan diri, ketakutan, kebimbangan, kemurungan dan insomnia, ataupun dalam bentuk ekstrinsik seperti kewangan, pengajian atau persahabatan. Cabaran ini jika tidak mampu dikendalikan dengan baik, akan mempengaruhi sistem kepercayaan dan keyakinan seseorang pelajar dan seterusnya merencatkan perkembangan profesional mereka.

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh pelajar termasuklah cabaran berkaitan dengan prestasi akademik seperti tahap kebimbangan terhadap penguasaan Bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sekaligus menjadikan mereka takut gagal dalam ujian atau peperiksaan, berasa tidak cukup bijak dan kesuntukan masa menyiapkan tugas serta pengurusan masa yang lemah. Malah cabaran akademik menjadi fokus utama dalam beberapa kajian melibatkan pelajar di IPT.

Individu yang memiliki hubungan positif, mahir dalam penyelesaian masalah dan memiliki motivasi untuk memperbaiki diri. Sehubungan itu, motivasi dalam pendidikan amat dititikberatkan ke atas diri pelajar kerana ia akan mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka. Oleh itu, mereka seharusnya bijak dalam menguruskan tekanan agar kehidupan sebagai seorang pelajar tidak terganggu.

Henderson dan Milestein (2003) menyatakan daya tahan atau resiliensi adalah kemampuan seseorang untuk bangkit kembali dari tekanan hidup, belajar dan mencari elemen positif dari persekitarannya untuk membantu peningkatan dalam membangunkan proses beradaptasi dengan segala keadaan hidup tertekan luaran dan dalaman. Pelajar yang berdaya tahan mempunyai emosi positif dan mampu mempengaruhi tindak balas terhadap kesukaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang mengambil tempoh masa yang lama dalam menyesuaikan atau mengadaptasi dengan persekitaran baru. Ini kerana peralihan yang sangat besar berlaku dalam kehidupan seorang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti kehidupan di IPT.

Kesan jangka panjang akan terlihat jika para pelajar tidak mempunyai daya tahan yang tinggi. Mereka akan meluangkan masa yang amat panjang bagi sesuatu tempoh pengajian penghususan, maka aspek yang perlu diberi penekanan adalah aspek kematangan pelajar dalam arus globalisasi. Walaupun mereka telah melangkah ke institusi pengajian tinggi, namun berfikir secara kritikal masih banyak perlu dibantu oleh semua pihak. Pemilihan tempat pengajian yang tepat berdasarkan keperluan pasaran, minat serta dorongan keluarga dan rakan-rakan adalah amat penting dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran dalam melakar sebuah kejayaan.

Rujukan:

Paul G. Stoltz, Erik Weihenmayer (2010). *The Adversity Advantage: Turning Everyday Struggles into Everyday Greatness*.

Nan Henderson, Mike M. Milstein (2003). *Resiliency in Schools*.

"Kalaualah bukan kerana ilmu, tentulah manusia seperti binatang."

Adaabul Hassan Al-Basri, Zuhduhu wa Mawa'iduhu oleh Al-Imam Abul Faraj ibn Al-Jauzi

## العلم وأهميته

المؤلفة: نور أزلينا نور الدين (محاضرة مادة اللغة العربية)

العلم كالماء والهواء ولا نستطيع أن نعيش بدونه. فهو كالünsنات الذي يضيء للفرد طريقه ويرشدته إلى الخير. ودعاء الإنسان لربه ليزيده علمًا هو أفضل دعاء يدعوه به العبد ربها. وإن الله تعالى قد فرض طلب العلم على كل مسلم ومسلمة. ولقد اهتم الإسلام بالعلم فقد نزلت أول سورة في القرآن الكريم هي كلمة "اقرأ" في سورة العلق "اقرأ باسم ربك الذي خلق (١) خلق الإنسان من علق (٢) اقرأ وربك الأكرم (٣) الذي علم بالقلم (٤) علم الإنسان ما لم يعلم".

ونظراً إلى أهمية العلم لفرد والمجتمع، فإن طريق العلم هو طريق الجنة. فالرسول الكريم صلى الله عليه وسلم كان في وقت الحروب يحرر أسر الأسير في مقابل أن يعلم عشرة القراءة والكتابة. والعلم يرفع الفرد درجات عند الله عز وجل فقال الله تعالى: قُلْ هَلْ يَسْتُوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ. (سورة الزمر ٣٩:٩)

العلم هو أساس تقدم الفرد والمجتمع. يستفيد الإنسان من العلم في تغيير تفكيره ونظريته للأشياء. ويساعد العلم الإنسان في وضع أهدافه وزيادة المعرفة والقدرة التي تساعد على حل المشكلات. ولذلك، العلم يساعد الناس في بناء المجتمع وتطوره. ونلاحظ أن الدول المتقدمة في شتى المجالات سواء الاقتصادية أو الاجتماعية أو الصحية كانت تعتمد على العلم والعلماء.

لعل المسلم اليوم فطن إلى أهمية طلب العلم. فالعلم ترقى الأمة الإسلامية وتتقدم. وهو العامل الأساسي والأهم لانتقال الأمة الإسلامية من طور الانحطاط والتخلف إلى طور الازدهار والتقدم.





**4 Januari 2019** - IKMAS Quran Hour. Program Sejam Bersama al-Quran dianjurkan oleh Lajnah Helwa Helwi, Lajnah Dakwah dan Tarbiah, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama Pusat Islam, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA). Kehadiran melibatkan seluruh warga IKMAS dan para pelajar.



**8 - 9 Januari 2019** - Kursus Pra-Perkahwinan anjuran bersama antara Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Kehadiran peserta seramai 60 orang pelajar daripada Semester 6.



**28 Januari 2019** - Perhimpunan Bulanan Pelajar IKMAS bersama Tuan Pengarah IKMAS sempena tahun baru 2019.



Ceramah sempena Majlis Maulidur Rasul peringkat IKMAS.



**11 hingga 24 Februari 2019** - Peperiksaan Akhir Semester.

Kelas Tahsin al-Quran bersama komuniti Kampung Telaga Air yang dipimpin oleh Pensyarah Tahfiz IKMAS.

**3 Mac 2019** - Ekspedisi Pendakian Gunung Santubong anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi IKMAS.

## LENSA IKMAS



**25 Februari 2019** - Kunjungan hormat Pengarah IKMAS ke atas Pengarah GIATMARA Sarawak bagi membincangkan kerjasama dalam elektif kemahiran IKMAS.



**18 Mac 2019** - Bengkel Asas Kualiti yang disampaikan oleh Encik Yussri bin Sawani, Ketua Unit Kualiti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak.

**19 Mac 2019** - Kunjungan hormat oleh Pengarah IKMAS ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menerokai peluang kerjasama .



**21 Mac 2019** - Lawatan daripada Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bagi membincangkan kerjasama di samping mengeratkan hubungan dua hala di antara kedua-dua pihak.



**22 Mac 2019** - Lawatan dan kunjung hormat daripada Kolej Universiti Islam Perlis ke IKMAS.



**25 Mac 2019** - Mesyuarat Lembaga IKMAS Kali Ke-18.

**25 Mac 2019** - Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik IKMAS Kali Ke-18.

# *Sekalung Tahniah Dan Ucapan Terima kasih*



Tahniah di atas penganugerahan Pekerja Cemerlang Bulanan Bulan Mac JAKIM kepada Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS.



Tahniah kepada Ustaz Hamdan bin Jar'ee yang dilantik sebagai Pengarah JAKIM Sarawak yang baharu



Terima kasih diucapkan kepada Dr. Baharudin bin Othman yang telah berkhidmat sebagai Pengetua IKMAS dan selamat bertugas di IPDAS, Sabah.



## Lagu IKMAS : Kejayaan Pasti Bersama

Berilmu beriman kita berdakwah  
Akhlak mulia nadi cita-cita  
Hidup dan berbakti untuk agama  
Sentiasa dalam rahmat yang Esa

Kukuhkan ukhuwwah antara kita  
Serulah ke arah hidup yang mulia  
Ikhlas yakin sabar dalam berusaha  
Kejayaan pasti bersama

Institut Kemahiran Islam  
Akan sentiasa berusaha  
Membangunkan umat Islam  
Di seluruh Malaysia

Padukan usaha dan kerjasama  
Teguhkan cita-cita yang dibina  
Doa dan tawakal tidak dilupa  
Kejayaan pasti bersama (3x)



اینستیتیوٹ کماہیران اسلام ملیسیا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Peti Surat 2867, Jalan Matang  
93050 Kuching, Sarawak  
Tel: 082 - 843 477, 475  
Faks: 082 - 843 440, 439  
Email: [ikmas@islam.gov.my](mailto:ikmas@islam.gov.my)